

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan atas seruan kaum Dayak di Sarawak supaya mereka disebut "Bangsa Dayak" dalam borang-borang Kerajaan, bukannya disebut "dan lain-lain" atau "Bumiputera".

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Minoriti telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk

membuat kajian dan mendapatkan maklumbalas daripada kaum Dayak mengenai perkara ini. Sehubungan dengan itu, perbincangan dan perundingan dengan golongan profesional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dayak telah diadakan di Sibu, Miri dan Kuching pada Februari 2015, dimana golongan profesional dan NGO Dayak telah mencapai kata sepakat dan membuat keputusan istilah "Dayak" menggantikan istilah "Lain-lain" dalam borang rasmi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 5 Mac 2015 telah bersetuju dan akan mencadangkan penggunaan istilah "Dayak" bagi menggantikan "Lain-lain" dalam borang rasmi Kerajaan kepada KABINET untuk persetujuan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : ~~48~~ 47**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan berkenaan siasatan ke atas insiden MH17 dan peranan Malaysia di dalam siasatan tersebut dan sekiranya punca tragedi tersebut telah dikenal pasti.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan insiden MH17 terbahagi kepada dua (2) iaitu Siasatan Keselamatan - *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13* dan Siasatan Jenayah.

Siasatan berdasarkan *ICAO Annex 13* adalah merupakan siasatan dari aspek teknikal bertujuan bagi mengelakkan peristiwa yang sama berulang di masa akan datang. Pasukan siasatan ini diketuai oleh negara Belanda dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Rusia, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom sebagai *Accredited Representative (AR)* bersama dua (2) negara pemerhati iaitu Belgium dan Jerman, ini kerana ada rakyatnya yang terkorban.

Siasatan ICAO Annex 13 tidak bertujuan untuk mencari dan mendakwa sesiapa yang menjadi penyebab sesuatu kemalangan udara tetapi adalah untuk mencari sebab sesuatu insiden atau *accident* berlaku dan membuat *Safety Recommendation* supaya perkara yang sama tidak akan berlaku di masa akan datang.

Sementara siasatan jenayah yang bertujuan untuk menyiasat dari aspek jenayah sedang dikendalikan oleh masing-masing negara seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands yang mempunyai penumpang atas pesawat MH17 dan juga oleh *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Ukraine, Australia, Belgium dan Malaysia. JIT

telah diwujudkan untuk melicinkan kerjasama antara negara-negara berkepentingan.

Kedua-dua siasatan masih lagi dijalankan untuk mencari punca sebenar kemalangan pesawat malang ini.